

Strain D614G: Kebolehjangkitan COVID-19 mungkin meningkat - Dr Noor Hisham
Astro Awani
01 Oktober 2020
Umavathi Ramayah

PUTRAJAYA: Kebolehjangkitan COVID-19 dalam masyarakat berkemungkinan akan meningkat ekoran penemuan virus bermutasi D614G di Kedah dan Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah berkata, ia adalah berikutan ciri-ciri mutasi itu yang mudah menjangkiti dan merebak.

"Saya percaya kebolehjangkitan dalam masyarakat berkemungkinan akan meningkat, berbanding strain lain yang dikesan sebelum ini," katanya pada sidang media di sini, pada Khamis.

Noor Hisham menjelaskan, walaupun virus bermutasi D614G yang dikesan di kedua-dua lokasi itu daripada kumpulan yang sama, namun kedua-dua strain itu mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

"Kalau tengok di Kedah melibatkan Kluster Sivagangga, Sungai dan Tawar, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) kenal pasti strain D614G. Kita percaya strain itu datang dari sebuah kawasan di Sivagangga, India.

"Apabila menjalankan kajian di Sabah, strain yang sama ditemui. Strain ini dipercayai datang dari Indonesia dan Filipina," ujarnya.

Sebanyak 260 kes baharu direkodkan pada Khamis sekali gus merekodkan kes harian kedua tertinggi pernah dicatatkan di negara ini.

Jumlah ini menjadikan keseluruhan kes kepada 11,484 dengan kes aktif sebanyak 1,334 kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/strain-d614g-kebolehjangkitan-covid19-mungkin-meningkat-dr-noor-hisham-261755>